

SIARAN MEDIA

13 TAPAK KAWASAN LEBUH RAYA DIDAFTAR DI ATAS PTP MELALUI PROSES PEMBERIMILIKAN DAN PAJAKAN

Sebanyak 13 tapak komersil dan bukan komersil di kawasan lebuhraya bertol didaftarkan di atas Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) melalui proses pemberimilikan dan pelaksanaan mekanisme secara pajakan bersama pihak syarikat konsesi bagi memudahkanca capaian penggunaan jalan raya di Malaysia.

13 tapak tersebut melibatkan kawasan lebuhraya bertol iaitu Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA) sebanyak 6 tapak; Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE) sebanyak 1 tapak; Lebuhraya Kemuning – Shah Alam (LKSA) sebanyak 3 tapak; Lebuhraya Penyuraian Trafik Lingkaran Kajang (SILK) sebanyak 1 tapak; Lebuhraya Bertingkat Ampang – Kuala Lumpur (AKLEH) sebanyak 2 tapak.

Pelaksanaan ini juga didapati dapat mengoptimumkan penggunaan serta pembangunan di atas tanah-tanah Persekutuan bagi menjana pembentukan ekonomi yang lebih berdaya saing.

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) dan Kementerian Kerja Raya (KKR) memeterai Perjanjian Pajakan di antara Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) bersama Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (PROLINTAS) dan Besraya (M) Sdn Bhd (BESRAYA) selaku Syarikat Konsesi Lebuhraya di Bawah Seliaan Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR), di sini, hari ini.

Majlis turut disaksikan oleh Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad dan Menteri Kerja Raya (KKR), Dato' Seri Alexander Nanta Linggi.

Pelaksanaan Perjanjian Pajakan ini adalah selaras dengan Seksyen 221, Kanun Tanah Negara 1965 [AKTA 828] (KTN 1965). Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) selaku pemilik tanah yang berdaftar boleh memajakkan tanah PTP bagi tempoh maksimum 99 tahun jika ianya berkaitan dengan seluruh tanahnya dan tiga puluh (30) tahun jika ianya berkaitan dengan sebahagian tanahnya.

Namun demikian, tempoh pajakan yang telah dimuktamadkan bersama pihak syarikat konsesi lebuhraya bertol adalah selaras dengan persetujuan yang telah dimeterai di dalam Perjanjian Konsesi selama mana tempoh ia berkuatkuasa.

Pengiktirafan pajakan secara perundangan ini juga dilihat dapat membolehkan syarikat-syarikat konsesi lebuh raya bertol di bawah seliaan Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) mendapat kepentingan ekslusif di dalam mengawal selia, mengoptimumkan pembangunan komersil serta menguruskan aturan-aturan semasa berkaitan dengan tanah atau fasiliti yang didirikan di atasnya dengan lebih teratur, cekap dan menepati kehendak undang-undang.

KKR berharap Syarikat Konsesi dapat melaksanakan proses pemberimilikan dengan teratur bagi setiap tapak pentadbiran dan komersil di lebuh raya. Pajakan ini penting supaya kepentingan Kerajaan Persekutuan dan Syarikat Konsesi terjamin melalui adanya hak kepentingan eksklusif untuk mengawal selia, merancang pembangunan komersil dan menguruskan operasi harian lebuh raya.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)

13 APRIL 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia